

Mahathir tunjuk jalan bagi Razaleigh jadi PM

JITRA 20 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Tengku Razaleigh Hamzah mestilah terlebih dahulu menjadi ahli UMNO dan bertanding merebut jawatan Perdana Menteri sekiranya beliau berhasrat menyandangnya.

M.M. 21 JAN 1989
"Kalau dia menang jadilah Perdana Menteri," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai mengulas kenyataan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang dilaporkan berkata beliau hanya mahukan jawatan Perdana Menteri dan bukan lain - lain jawatan seperti yang ditawarkan oleh Perdana Menteri.

Ketika ditanya di sidang akhbar tengah hari ini, Perdana Menteri berkata, jawatan yang disandangnya adalah perlantikan oleh ahli - ahli Parti UMNO.

"Oleh itu bukanlah hak saya untuk meletak jawatan dan menawarkan jawatan itu kepada Tengku Razaleigh kecuali ada sebab - sebab tertentu seperti kesihatan atau apa - apa yang lain," tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, adalah hak beliau sebagai Perdana Menteri untuk melantik sesiapa saja menjadi menteri kabinet.

"Tanyalah UMNO sama ada mereka mahu Tengku Razaleigh jadi Perdana Menteri," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.